

Perdana Menteri mahu NEC main peranan atasi pengangguran

# Cipta peluang pekerjaan

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

maisarah.rahim@mediamulla.com.my

**PUTRAJAYA:** Inisiatif penciptaan pekerjaan bermula tahun depan diyakini lebih terancang dan dilaksanakan secara menyeluruh, bersepadu serta berkesan menerusi penubuhan Majlis Pekerjaan Negara (NEC).

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, usaha itu dipandu oleh Pelan Strategik Penciptaan Pekerjaan Nasional yang dibangunkan kelak bagi memacu Malaysia ke tahap lebih tinggi serta menjamin kesejahteraan hidup rakyat.

Menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri, NEC dibentuk bagi merealisasikan strategi menjana dan mengekalkan pekerjaan selaras dengan matlamat pertama Belanjawan 2021 iaitu Kesejahteraan Rakyat.

"NEC adalah majlis tadbir urus tertinggi dalam penetapan dasar, pelaksanaan serta pemantauan strategi dan inisiatif kerajaan khususnya dalam mencapai sasaran mencipta lebih banyak peluang pekerjaan serta menangani isu pengangguran," katanya.

Dalam mesyuarat pertama NEC yang dipengerusikan Perdana Menteri semalam, menetapkan komitmen kerajaan dalam memastikan pemulihan dan rangsangan sektor ekonomi di Malaysia dilaksanakan dengan menyeluruh.

Ini termasuk berpandukan



**MUHYIDDIN** Yassin mempengerusikan mesyuarat pertama NEC secara maya di bangunan Parlimen, Kuala Lumpur, semalam. - GAMBAR FB MUHYIDDIN YASSIN

data dan sepadan dengan permintaan industri semasa di samping mengambil kira faktor kesejahteraan rakyat serta ketahanan ekonomi negara.

Jelasnya, NEC memainkan peranan penting bukan sahaja meneruskan momentum pemulihan ekonomi dan meningkatkan penciptaan pekerjaan bahkan menangani isu-isu lain seperti kekurangan pekerja di sektor tertentu, kesaksamaan peluang untuk golongan rentan dan penggajian.

Majlis yang dianggotai menteri-menteri berkaitan turut di-

sertai wakil swasta dan industri yang akan diumumkan kelak.

"Selain itu, NEC disokong sebuah Pasukan Petugas Peringkat Tinggi dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara yang bertindak menyelaraskan lima Pasukan Petugas Khas peringkat jawatan kuasa kerja.

"Pasukan Petugas Khas ini bertanggungjawab melaporkan status pelaksanaan di bawah kluster masing-masing," katanya.

Dalam pada itu, kata kenyataan itu, Unit Laksana Kementerian Kewangan bertindak selaku Sekretariat NEC dan

memantau kemajuan pelaksanaan setiap program di bawah inisiatif NEC supaya lebih efektif berpandukan penilaian bersesuaian dari masa ke masa.

Selaras penubuhan NEC, katanya, warganegara yang terkesan atau sedang mencari pekerjaan boleh mula mendaftar di portal MyFutureJobs <https://www.myfuturejobs.gov.my/> yang merupakan pusat sehati dan rujukan utama kepada rakyat bagi inisiatif berkaitan pekerjaan termasuk program peningkatan kemahiran dan latihan semula.